



DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU
(KOTA KINABALU CITY HALL)

No. 1, Jalan Bandaran, 88675 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: 088-521800 Fax: 088-233815, 219175

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan dan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja atau berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dalam Kelas, Kepala dan Sub kepala yang berkaitan dan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) dan Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan serta masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja yang berikut:

Nombor dan Tajuk Tender	Harga Dokumen Tender	Tempat & Tarikh Dokumen Tender Dijual	Syarat Pendaftaran	Tarikh Tutup Tender
DBKK/JPH/D/T/5/2026 MENAIKTARAF DAN PENGgantian PENGHADANG KESELAMATAN (HANDRAIL) DI BOARDWALK ANJUNG SENJA, KOTA KINABALU	RM 200.00 Senaskah	Tempat: Jabatan Perolehan, Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, 88675 Kota Kinabalu Tarikh: 8 September 2026 (Selasa) hingga 28 September 2026 (Isnin)	Berdaftar dengan PUKONSA Kelas: D Tajuk I Sub Kepala 1 Dan CIDB PPK Gred: G3 Kategori: CE Pengkhususan: CE21	28 September 2026 (Isnin) (tidak lewat dari 10:00 pagi)

Naskah Meja Tender boleh disemak di **Jabatan Perolehan, Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, 88675 Kota Kinabalu**, pada waktu pejabat.

Bayaran dokumen tender hendaklah dibuat secara Tunai di Kaunter Bayaran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (bayaran tidak akan dikembalikan).

Kontraktor-kontraktor adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri:

Taklimat Tender pada **8 September 2026 (Selasa)**, jam **2:30 petang** bertempat di **Dewan Mesyuarat 1, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, 88675 Kota Kinabalu**.

Sebuah syarikat hanya boleh mewakili seorang sahaja iaitu hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA, UPKJ atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor-Kontraktor jika Borang Taklimat Tender telah dilengkapkan.

Kontraktor atau wakilnya yang sah sahaja hendaklah membawa sijil asal atau disahkan benar oleh CIDB dan PUKONSA Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan atau Sijil Pendaftaran PUKONSA dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

Tender yang sempurna diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk sebelah kiri atas sampul surat dan dialamatkan kepada **Pengerusi, Jawatankuasa Pembuka Tender, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Bangunan Ibu Pejabat, No. 1, Jalan Bandaran, 88675 Kota Kinabalu**.

Tender mestilah sampai dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, 88675 Kota Kinabalu** tidak lewat dari 10:00 pagi pada tarikh tutup yang tersebut di atas. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

Pengarah Jabatan Perolehan
b.p MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU